



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

#### **JURUPULIH ANGGOTA (M.13-14 EB.15) KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

##### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURUPULIH ANGGOTA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Fisioterapi atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengambil peranan dan bertanggungjawab sebagai pegawai klinikal dalam bidang fisioterapi di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal bagi kes-kes yang memerlukan rawatan fisioterapi mengikut *Standard Scope of Practise* yang ada. Pegawai harus mendaftar dan menjadi ahli dalam Majlis Profesional Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam (*Allied Health Profesion Council of Brunei Darussalam, AHPCBD*) dan bertanggungjawab dalam memastikan lesen tahunan pengamalan *profesion allied health* dikemas kini setiap tahun;
2. Membantu dalam menubuhkan dan mengkaji semula dasar-dasar latihan dan projek-projek yang dijalankan di Jabatan ini, untuk meningkatkan prestasi kecergasan tentera dan mencegah kecederaan *musculoskeletal*, mengikut arahan pegawai atasan;
3. Mengelakkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan semasa, yang berkaitan dengan Fisioterapi dan mengamalkan Amalan Berasaskan Bukti (*Evidence-Based Practise*);
4. Bertanggungjawab dalam memastikan semua pegawai dan kakitangan jurupulih anggota di bawah jagaan, mempraktikkan budaya kerja yang berprofesionalisme mengikut Standard Scope of Practice yang ada dan mengamalkan Amalan Berasaskan Bukti (*Evidence-Based Practise*);
5. Bertanggungjawab dalam mengendalikan pentadbiran dan hal-hal yang berkaitan dengan klinikal;



6. Membantu Ketua Jabatan dalam perancangan peruntukan bagi anggaran belanjawan tahunan mengikut keperluan dan perkembangan perkhidmatan;
7. Bertanggungjawab dalam menyusun perancangan strategi sumber tenaga manusia bagi pembantu-pembantu jurupulih anggota ke arah pengurusan dan pelaksanaan yang optima dan berkesan;
8. Bertanggungjawab dalam memastikan penggunaan peralatan rawatan fisioterapi oleh kakitangan Klinik Perubatan Sukan di bawah jagaan adalah selamat, betul dan kompeten;
9. Bertanggungjawab sebagai *Clinical Educator* bagi perkembangan pembantu-pembantu jurupulih anggota. Melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau pendidikan akademik dalam kursus-kursus yang dijalankan di Jabatan ini, jika diperlukan, mengikut arahan pegawai atasan;
10. Bertanggungjawab dalam kesejahteraan dan memberikan bimbingan dan sokongan kepada semua pegawai dan pembantu-pembantu Jurupulih Anggota di bawah jagaan mengikut piawaian dari semasa ke semasa;
11. Menyediakan kertas-kertas kerja dan analisa yang berkaitan dengan pengurusan dan pencegahan kecederaan *musculoskeletal* serta peningkatan prestasi kecergasan tentera;
12. Mewakili dan menghadiri bagi pihak institut di mesyuarat, seminar, persidangan atau simposium dalam negeri dan di peringkat antarabangsa; dan
13. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.